

**Mengikuti deklarasasi aset SPRM, Anwar yang tidak isytihar harta - Tun M
Astro Awani
17 Mei 2023
Harits Asyraf Hasnan**

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad meminta Perdana Menteri yang juga Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan berkenaan pengisytiharan pendapatan dan harta.

"Mengikuti deklarasasi aset SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) pada 24 November 2018, di antara yang tidak mengisytihar pendapatan atau aset adalah Presiden PKR, Anwar Ibrahim.

"Anwar Ibrahim boleh jelas benar atau tidak kenyataan ini," kata bekas perdana menteri itu dalam perkongsian di media sosial.

Dr Mahathir memaklumkan, beliau telah mengisytihar harta sebanyak RM32.35 juta yang merangkumi tiga buah rumah serta aset-aset lain.

Mengikuti rekod, Anwar sebelum menjadi Perdana Menteri pernah mengisytiharkan harta sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2019 dan 2022.

Ia melibatkan aset bersih sebanyak RM11.2 juta merangkumi RM10.4 juta adalah daripada pemilikan empat unit hartanah yang dibeli antara tahun 2005 hingga 2022.

© 2023 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. 200001032668(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mengikut-deklarasasi-aset-sprm-anwar-yang-tidak-isytihar-harta-tun-m-419896>